

Muka Surat : 1

MASKOP, DigiKoP platform hebah perkhidmatan dan produk koperasi: Ewon

KUCHING: Program Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) dan Program Transformasi dan Digitalisasi (DigiKoP) mampu menjadi platform dalam menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan gerakan koperasi kepada orang awam.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick berkata, penganjuran program berkenaan bertujuan memupuk semangat berkoperasi di samping meningkatkan pengetahuan orang ramai

(TMPSKM) berjumlah RM1.45 juta.

"Empat koperasi lagi menerima sijil dan plak di bawah program 'Million Ringgit Coop League' (MIRiCLe) kelolaan Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

"Ia adalah program jangka panjang bagi meningkatkan pendapatan dan pengukuhan tadbir urus koperasi," katanya ketika berucap merasmikan program itu di sini, semalam.

Menurutnya, MASKOP dan DigiKoP adalah program anjuran Kementerian Pembangunan

berkaitan koperasi.

Katanya, melalui program itu juga, kementerianya berharap mesej untuk membudayakan koperasi dalam kalangan setiap lapisan masyarakat dapat diperkukuhkan.

Selain itu jelasnya, ia dapat menjadikan koperasi sebagai gaya hidup dalam menangani masalah kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Sempena dengan program ini, tiga koperasi menerima geran bantuan dan pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Beliau berkata, pelbagai pengisian menarik turut diadakan seperti forum bertajuk Manfaat Berkoperasi daripada SKM, IKMa dan ANGKASA bagi menerangkan landskap koperasi negara serta fungsi dan peranan masing-masing dalam menggerakkan dan membangunkan sektor koperasi.



BERKUALITI: Ewon (dua kanan) melawat rerual agensi KUSKOP pada Program MASKOP dan DigiKoP di Kuching, semalam.

◆ Lihat Muka 2

Muka Surat : 2

MASKOP, DigiKoP platform hebah perkhidmatan dan produk koperasi: Ewon

► Dari Muka 1

Selain itu katanya, sesi taklimat daripada Co-opBank Pertama (CBP) dan Koperasi KOPERKASA Sarawak Berhad juga disediakan bagi menerangkan kepada para peserta berkenaan kebaikan dan manfaat berkoperasi dengan menjadi ahli koperasi CBP.

"Melalui program DigiKoP pula, KUSKOP dengan kerjasama MYNIC, salah satu agensi di bawah Kementerian Digital, menyampaikan taklimat berkaitan penyampaian maklumat secara digital sebagai salah satu langkah untuk mempersiapkan anggota koperasi mengadaptasi penggunaan teknologi digital dalam pengurusan dan aktiviti perniagaan koperasi.

"KUSKOP sebelum ini melaksanakan beberapa program MASKOP dengan kerjasama SKM, IKMa, ANGKASA dan beberapa koperasi terpilih bagi berkongsi kejayaan dan manfaat berkoperasi.

"Atas dasar keprihatinan kepada masyarakat dan komuniti, KUSKOP melalui ANGKASA tidak ketinggalan memberikan sumbangan CSR kepada 30 anggota koperasi di sekitar Kuching berbentuk bakul makanan terdiri daripada barangan keperluan asas bernilai RM100 setiap bakul dan baucar membeli barangan mentah bernilai RM50," katanya.